



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[INSTITUTIONS OF ISLAMIC EDUCATION AND ITS FUNCTION AS A SOURCE OF KNOWLEDGE OF FARAIID KNOWLEDGE AMONG ISLAMIC SOCIETY IN DUYONG ISLAND, KUALA TERENGGANU]

INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DAN FUNGSINYA SEBAGAI SUMBER PENGETAHUAN ILMU FARAIID DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI PULAU DUYONG, KUALA TERENGGANU

MOHD ALI MOHD YUSUF¹
BASRI IBRAHIM^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak Kuala Terengganu.

*Corresponding author: basri@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2015 • Accepted Date: 28 April 2015

Abstract

Islamic inheritance or Faraid is one of the most important branches of knowledge in Islam. However, this knowledge has been steadily eroded as sources to learn it has become more limited. This study was designed to examine the source or method of acquiring knowledge of Faraid among the Muslim community in Pulau Duyong, Kuala Terengganu. This study used field survey method with a quantitative approach. Questionnaires were distributed to 345 respondents in Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Data were analyzed by descriptive analysis methods which are mean, standard deviation, percentage and mean scores using the software Statistical Package for Social Science (SPSS). The results showed that the source of knowledge Faraid among the Muslim community in Pulau Duyong, Kuala Terengganu is through informal learning methods such as through studies in mosques, discussions with religious teachers and reading. The study concluded that the Muslim community in Pulau Duyong, Kuala Terengganu are still bound by traditional methods for acquiring knowledge about laws on Islamic inheritance in particular and Islamic studies in general. Therefore, efforts should be enhanced to deliver knowledge on Islamic inheritance through a more systematic method to avoid this knowledge being ignored by society. This is because knowledge on Islamic inheritance jurisprudence is the backbone for the efficient management of the inheritance of the deceased in the Muslim community.

Keywords: sources of knowledge, Islamic inheritance (Faraid), Muslim community, Pulau Duyong.

Abstrak

Ilmu Faraid adalah salah satu cabang ilmu yang penting di dalam Islam. Walau bagaimanapun ilmu ini semakin terhakis kerana sumber untuk mempelajarinya semakin terhad. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sumber atau kaedah memperoleh pengetahuan ilmu faraid bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan lapangan dengan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 345 orang

responden di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan kaedah analisis min, sisihan piawai, peratus dan skor min menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian yang diperoleh merumuskan bahawa sumber pengetahuan ilmu faraid dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu adalah melalui kaedah pengajian tidak formal seperti melalui pengajian di masjid dan surau, dan perbincangan dengan guru-guru agama. Kajian merumuskan bahawa masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu masih terikat dengan kaedah tradisional untuk memperoleh pengetahuan tentang ilmu faraid secara khususnya dan ilmu agama secara umumnya. Justeru usaha perlu ditingkatkan untuk menyampaikan ilmu faraid melalui kaedah yang lebih sistematik bagi mengelakkan ilmu ini diabaikan oleh masyarakat. Ini kerana ilmu faraid menjadi tunjang bagi masyarakat Islam menguruskan harta peninggalan si mati dengan lancar.

Kata kunci: Sumber pengetahuan, ilmu faraid, masyarakat Islam, Pulau Duyong.

Cite as: Mohd Ali Mohd Yusof & Basri Ibrahim. 2015. Institusi Pendidikan Islam dan Fungsinya sebagai Sumber pengetahuan Ilmu Faraid dalam kalangan Masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 37-51

PENGENALAN

Ilmu faraid adalah salah satu ilmu yang penting dalam Islam. Ia disyariatkan sejak dari mula Rasulullah s.a.w. diutuskan, dan telah melalui beberapa fasa perubahan sehingga lengkap dan tidak berubah lagi setelah turunnya ayat 11, 12 dan 176 daripada surah al-Nisa'. Kepentingan ilmu faraid dijelaskan melalui sabda Baginda s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan Ibn. Majah daripada Ibn. Mascud dan Abu Hurayrah r.a :

تعلموا الفرائض وعلموه (أي علم الفرائض) الناس مقبوض وفي الرواية : وإن هذا العلم سيقبض وتظهر الفتن حتى يختلف اثنان في الفريضة فلا يجحدان من يفصل بينهما .

Maksudnya: Belajarlah faraid dan ajarkan lah ia (iaitu ilmu faraid) kepada manusia kerana aku akan kembali kepada Allah (wafat). Dalam riwayat yang lain dan ilmu ini juga akan diangkat dari manusia dan akan berlaku fitnah-fitnah sehinggakan terdapat dua orang bersengketa kerana harta pusaka tetapi tiada siapa yang mampu memisahkan (mendamaikan) antara keduanya (dengan memutuskan hukum tentangnya) (Ibn Hajar, 1987).

Rasulullah s.a.w. telah menggesa umat Islam mempelajari hukum faraid secara khusus, kerana bimbang terhadap kealpaan mereka mempelajarinya selepas kewafatan Baginda s.a.w. Apatah lagi ilmu ini merupakan ilmu pertama yang akan diangkat dari manusia sebagaimana dijelaskan oleh hadis di atas. Kelalaian umat Islam mempelajari ilmu faraid akan menyebabkan ilmu ini hilang selepas kematian para ulama yang mahir dengannya. Pihak Amanah Raya Berhad (ARB) yang diberi kuasa sebagai pentadbir harta pusaka telah melaporkan bahawa

kurang pemahaman tentang hukum faraid dan kurang kesedaran untuk mempelajarinya menyebabkan banyak isu berkaitan harta pusaka berlaku kepada umat Islam pada masa ini (Anon, 2012). Justeru kajian perlu dibuat untuk melihat sumber-sumber yang ada bagi masyarakat Islam mempelajari ilmu faraid.

Kajian ini diketengahkan untuk melihat secara umum mengenai institusi pendidikan Islam yang berfungsi sebagai sumber pengetahuan yang digunakan oleh masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu untuk mempelajari ilmu faraid. Institusi yang dikaji merangkumi dua kaedah pembelajaran iaitu pembelajaran secara formal yang dilaksanakan di sekolah dan pembelajaran tidak formal atau secara tradisional yang diperoleh melalui pengajian di surau atau masjid, dan perbincangan dengan ahli agama. Selain itu, kajian turut melihat sumber pengetahuan yang lain seperti seminar atau forum, pembacaan, audio-visual dan internet sebagai medium untuk mendapat maklumat tentang ilmu faraid.

SUMBER PENGETAHUAN MASYARAKAT

Pengetahuan masyarakat mengenai sesuatu perkara bergantung kepada sumber ilmu pengetahuan yang diperoleh oleh mereka sama ada secara formal atau tidak formal. Maklumat mengenai sumber pengetahuan masyarakat ini penting untuk menilai keupayaan masyarakat mengetahui isu berkaitan secara konsepsi (tasawur) iaitu pengetahuan secara umum dan sederhana atau mengetahui secara ilmiah (*tasdiq*) iaitu pengetahuan mendalam yang mengandungi penelitian dan penilaian.

ASAS ILMU PENGETAHUAN DALAM ISLAM

Menurut Ibn. cAbd. al-Bar, asas ilmu (*usul al-ilm*) atau dikenali pada zaman ini sebagai rujukan pengetahuan (*Masadir al-Macrifah*), sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Shafi'e (Idris Shafie'i, 2001) dan Imam Muhammad bin Hasan ialah empat perkara iaitu, Al-Qur'an, Al-Sunnah, Al-Ijma' dan Al-Qiyas (Abu Umar, 1994). Ini berikutan di peringkat awal Islam iaitu di zaman pembinaan hukum, pengertian ilmu itu adalah berkisar kepada mengimani kewujudan Allah S.W.T dan perkara ghaib serta melaksanakan suruhan atau meninggalkan larangan (ibadat). Justeru sumbernya mestilah datang dari ilmu naqli. Menurut al-Imam al-Ghazali: lafaz ilmu itu pada asalnya disebut untuk pengetahuan tentang Allah s.w.t., ayat-ayatNya, atau perbuatan-perbuatanNya terhadap hamba dan ciptaanNya (al-Ghazali, 1992). Setelah itu penggunaannya telah diperluaskan dan berkembang sehingga meliputi semua aspek pengetahuan sama ada untuk ilmu syariat (al-Shar'iy) atau ilmu bukan syariat (*al-Kawni wa al-duniawi*).

Menurut al-Zarkashi pula, jalan memperoleh ilmu dilingkungi oleh tiga sumber iaitu akal, pendengaran dan panca indera (al-Zarkhashi, t.th). Justeru sumber ilmu pengetahuan bukan lagi berkisar kepada Al-Qur'an, Al-Sunnah, Al-Ijma' dan Al-Qiyas semata-mata tetapi meliputi semua sumber untuk memperoleh ilmu seperti akal fikiran, pencerapan pancaindera, pengalaman dan ilham. Kesimpulannya sumber ilmu terdiri daripada wahyu, akal, pancaindera dan ilham. Daripada empat sumber tersebut, para ulama telah berbeza pendapat tentang intuisi atau ilham. Sebahagian ulama berpendapat intuisi atau ilham juga boleh dijadikan sumber pengetahuan manusia seperti pegangan ahli sufi, oleh kerana itu sebahagian kecil ulama

terkemudian (*muta'akhirin*) menerima ilham sebagai sumber ilmu pengetahuan (al-Zarkashi, t.th).

SUMBER PENGETAHUAN MASYARAKAT TERHADAP ILMU AGAMA DI TANAH MELAYU

Perbincangan mengenai sejarah pengajian Islam di Semenanjung Tanah Melayu bertujuan untuk memberi gambaran tentang sumber atau kaedah masyarakat Islam di Malaysia mencerap pengetahuan agama Islam termasuk ilmu faraid untuk dilaksanakan sehingga hari ini. Hasil penelitian penulis di dalam buku-buku sejarah Islam di Tanah Melayu mendapati, secara umumnya penyebaran Islam dan kaedah pengajian ilmu-ilmu agama tidak jauh berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain termasuk di Pulau Duyong, Terengganu. Menurut Sobri Salamon secara umumnya perkembangan pengajian agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu melalui empat fasa. Ia bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga Malaya mencapai kemerdekaan. Empat fasa tersebut adalah, kaedah belajar di rumah guru, sistem pondok, sistem madrasah dan sistem sekular (ibid).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pengajian Islam telah di arus perdanakan dalam sistem sekolah kebangsaan berpaksikan kepada sistem pendidikan sekular barat dengan penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan alatan moden seperti audio-visual sehinggalah kepada kaedah maya atau internet pada hari ini.

PENGAJIAN DI RUMAH GURU

Pengkaji sejarah telah menyimpulkan walaupun secara tidak pasti bahawa Islam telah tiba ke kepulauan Melayu sejak kurun ke 12 Masihi lagi melalui saudagar Islam yang berdagang ke Tanah Melayu (Engku Ahmad Zaki, 2007). Antara tempat terawal Islam bertapak ialah di Terengganu melalui bukti batu bersurat yang dijumpai di Kuala Berang bertarikh 702H bersamaan 1303M (Abdul Ghani, 1981). Walau bagaimanapun Islam hanya tersebar secara meluas apabila sultan Melaka iaitu Megat Iskandar Shah (Parameswara) memeluk agama Islam pada kurun ke 15 Masihi (Abdul Ghani, t.th). Penyebaran Islam di Tanah Melayu menggantikan agama hindu perlu diiringi dengan satu sistem pengajian yang boleh membimbing masyarakat di Tanah Melayu pada masa itu untuk memahami agama Islam dengan baik bagi menggantikan kebudayaan hindu yang telah lama bertapak di dalam masyarakat (Muhammad Abu Bakar, 1991). Sebagai memenuhi tuntutan agama dan menyampaikan ajaran Islam kepada saudara mereka, sebahagian pedagang Islam dari negara Arab, Farsi dan India telah mengambil keputusan menetap di Tanah Melayu untuk mengajar agama Islam (Wan Hussein, 1993).

Di peringkat permulaan, pengajian dibuat di rumah guru-guru, dan kaedah ini terus diamalkan oleh tok-tok guru pondok seperti yang diperlihatkan melalui kelas pengajian oleh Tok Ku Tuan Besar (Syed Muhammad Zainal Abidin al-Idrus), Tok Ku Paloh, Tok Syeikh Duyong dan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas di Terengganu (Abu Bakar, 2008). Antara yang diajar ialah membaca al-Qur'an selain dari itu ilmu-ilmu keagamaan tentang akidah atau, kitab-kitab fiqah dan hikayat (Sobri Salamon, t.th). Pengajaran juga dilakukan secara halaqah di musalla, surau dan masjid, seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w (Wan Hussein, 1993).

PONDOK

Perkataan Pondok ialah gelaran kepada satu kawasan yang didirikan banyak rumah kecil untuk diduduki oleh para pelajar yang ingin menuntut ilmu dengan tok guru di kawasan tersebut. Kelahiran pondok bermula apabila terdapat kesedaran dalam kalangan orang Melayu yang menuntut ilmu di Mekah (tok guru), pulang untuk menyebarkan agama Islam bagi melindungi pengaruh kristianisasi oleh penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris. Mereka telah mendirikan surau dan masjid untuk menyampaikan ajaran Islam. Pengajaran tok-tok guru ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk setempat bahkan ia turut mendapat sambutan dari penduduk di luar kawasan. Seterusnya apabila pengajian tersebut berkembang, pondok-pondok didirikan bagi menempatkan pelajar yang datang dari jauh.

Satu pandangan lain menyatakan bahawa pondok lahir hasil dari pengajian di rumah-rumah guru, di mana apabila pelajar menjadi ramai para guru terpaksa memindahkan pengajian ke surau-surau. Apabila terdapat permintaan pelajar yang datang dari jauh, lahirlah idea mendirikan pondok supaya para pelajar tidak perlu berulang alik lagi (Sobri Salamon, t.th). Antara mata pelajaran yang diajar di pondok ialah al-Qur'an, tafsir, hadis, fiqh, faraid dan bahasa Arab (Wan Hussein, 1993). Sistem pengajian pondok sangat terkenal pada kurun ke-19 setelah ramai ulama Patani berhijrah ke Tanah Melayu dan mula membuka pondok di Utara Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kelantan dan Kedah. Melalui sistem pondok, kaedah pengajian dipelbagaikan dan diperluaskan kepada soal-jawab agama dan perbincangan dengan guru. Manakala di Terengganu pula sistem pondok telah bermula sejak kurun ke-18 Masihi melalui ulama yang berhijrah ke negeri ini antaranya Tok Ku Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik, 1650-1736) yang mengasaskan pengajian pondok di Pulau Manis, Kuala Terengganu (Mohamad Abu Bakar, t.th). Kaedah pengajian secara perbincangan di masjid pula telah diasaskan oleh Tok Sheikh Duyong di Pulau Duyong.

MADRASAH

Sistem madrasah bermula pada awal kurun ke-20 apabila cendekiawan Islam mula terpengaruh dengan gerakan Islah yang dipelopori di Timur Tengah seperti Syed Syeikh al-Hadi²⁸. Berbeza dengan sistem pondok, kurikulum madrasah mula memperkenalkan mata pelajaran baru seperti ilmu hisab, geografi dan lain-lain. Pentadbiran sistem madrasah lebih sistematik bertujuan untuk menyaingi sekolah Inggeris. Dari satu sudut, sistem madrasah telah membawa pembaharuan dengan memperkenalkan kurikulum baru kepada pelajar aliran agama Islam, tetapi dari satu sudut yang lain, sistem madrasah telah memberi saingan kepada sistem pondok yang menjadi tumpuan umat Islam di Tanah Melayu sebelum ini berikutan transformasi sistem pendidikan yang diperkenalkan. Namun kedua-dua sistem ini saling lengkap melengkapi kerana pondok menjadi pilihan kepada warga desa atau kawasan pedalaman, manakala sistem madrasah menjadi pilihan kepada masyarakat Islam di bandar. Dalam konteks negeri Terengganu, madrasah yang paling terkenal yang lahir melalui sistem ini ialah Madrasah Sultan Zainal Abidin. Ia menjadi tempat yang melahirkan ramai tokoh-tokoh terkenal di negeri Terengganu sehingga ke hari ini (Che Wan Takwa, 2014).

SEKOLAH KEBANGSAAN

Setelah mencapai kemerdekaan, sistem sekolah Inggeris telah dijadikan sebagai teras kepada sistem pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu. Sistem ini telah dijadikan aliran kebangsaan untuk disesuaikan dengan pelbagai kaum di Malaysia. Kelahiran sistem ini, telah menyebabkan sistem madrasah menjadi mundur atas dua faktor. Pertama, kekurangan pelajar dan kedua masalah kewangan (Sobri Salamon, t.th). Ibu bapa yang sedar tentang nilai ekonomi bagi sijil-sijil yang diperolehi dari sekolah ini telah menghantar anak mereka belajar di sini (Mohd Ghazali, 1975) dan menjadikannya saingan kepada sistem madrasah Arab. Di peringkat awal, sekolah ini lebih dikenali sebagai sekolah aliran Inggeris, kerana kurikulumnya yang tidak memberi perhatian kepada pengajian Islam dan banyak menggunakan bahasa Inggeris.

Namun dengan peredaran masa terutama dalam tahun 1970an, banyak penambahbaikan dilakukan kepada kurikulum sekolah kebangsaan sehingga melahirkan sekolah kebangsaan aliran agama atau SMKA. Ia adalah hasil dari campur tangan kerajaan ke atas madrasah atau pondok untuk dijadikan sekolah-sekolah aliran kebangsaan agama dengan mengubahsui kurikulumnya agar selari dengan dasar dan falsafah pendidikan negara. Antara sekolah terkenal di Terengganu yang dihasilkan melalui sistem ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abbas (dahulu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring) yang berasal dari sekolah pondok yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abbas. Manakala madrasah Arab di bawah pentadbiran kerajaan negeri turut menerima tempas daripada sistem aliran kebangsaan ini seperti yang berlaku kepada Madrasah Sultan Zainal Abidin yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang (SMASZAL) dan Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA) Batu Buruk, Terengganu.

Melalui sekolah ini, pelajar diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran bahasa Arab dan beberapa mata pelajaran agama seperti Tasawur Islam, Syariah Islamiah dan Al-Qur'an dan Al-Sunnah sebagai mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula, pelajar beragama Islam berpeluang untuk memilih bidang sastera pengkhususan pengajian Islam. Penambahbaikan kepada pengajian Islam diteruskan, apabila pada tahun 2000 Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama al-Azhar al-Sharif telah memperkenalkan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk pelajar sekolah agama kebangsaan yang berminat menyambung pengajian ke universiti-universiti di Timur Tengah terutama Universiti al-Azhar, Mesir.

KAEDAH MEMPEROLEHI PENGETAHUAN ILMU FARAIID

Berdasarkan keterangan di atas, secara umumnya masyarakat Islam di Malaysia memperoleh pengetahuan agama Islam termasuk ilmu faraid melalui dua kaedah. Pertama secara formal iaitu melalui institusi pendidikan Islam yang sistematik, mempunyai kurikulum tertentu dan tempoh masa tertentu, untuk memperoleh suatu sijil kelayakan seperti sistem madrasah dan sistem persekolahan aliran agama peringkat kebangsaan pada masa kini. Kedua secara tidak formal, iaitu melalui institusi pendidikan Islam tradisional yang diwarisi secara turun temurun seperti kaedah talaqqi dengan guru, pengajian fardu ain atau halaqah di surau atau masjid, perbincangan dengan ahli agama dan soal-jawab agama.

Selain daripada kaedah di atas, kemunculan teknologi audio-visual seperti radio, TV, CD, dan DVD serta teknologi internet juga menjadi satu medium untuk mendapat maklumat dengan pantas dan cepat. Kaedah baru ini terutamanya internet, mungkin akan menjadi saingan baru kepada kaedah sedia ada pada masa akan datang sebagai medium baru di dalam menyampaikan dakwah Islam (Fadzli Adam et al, 2015). Ini kerana internet bakal menjadi guru maya yang mampu memberi pengetahuan kepada pelajar tanpa mengenal batas masa dan sempadan.

METODOLOGI KAJIAN

Bentuk penyelidikan yang digunakan adalah kajian tinjauan lapangan dengan pendekatan kuantitatif. Kaedah ini digunakan kerana ia boleh menghasilkan data yang diperlukan oleh penulis untuk mencapai objektif yang diinginkan (Chua Yan Piaw, 2011). Tinjauan lapangan yang dimaksudkan ialah proses pengumpulan data yang dibuat secara langsung ke atas sampel yang dipilih dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur (borang soal selidik) dan temu bual tidak berstruktur. Temu bual tidak berstruktur dilaksanakan dengan menemu bual ketua kampung, pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung, guru-guru agama dan masyarakat awam yang mengikuti kelas fardu ain di kawasan kajian.

Selain daripada kaedah di atas, kajian kepustakaan turut dibuat untuk mengumpul perbincangan dan perbahasan ahli akademik tentang sumber maklumat untuk memperoleh ilmu agama oleh masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Melayu, dan epistemologi pengetahuan dalam Islam. Ia turut melibatkan pemerolehan data mengenai maklumat-maklumat awal bagi kawasan dan subjek yang dikaji.

Pemilihan Kawasan Kajian Dan Responden

Kajian ini akan dijalankan di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Kawasan ini dipilih kerana ia merupakan antara penempatan awal di Terengganu. Ianya dibuka oleh seorang ulama terkenal iaitu Tok Sheikh Pulau Duyong dan telah menubuhkan sebuah pusat pengajian tradisional (Muhamad Abu Bakar, t.th). Ini menjadikan kawasan ini menarik untuk dikaji kerana pengaruh keagamaan yang bertapak awal di sini. Penduduk di sini juga boleh mendapat akses pendidikan yang meluas secara formal atau tidak formal kerana berdekatan dengan pusat-pusat pengajian penting di Terengganu. Responden kajian pula terdiri daripada masyarakat Islam di Pulau Duyong yang berumur 20 tahun ke atas. Tujuan penetapan umur responden ini, supaya mereka dapat memberi data yang lebih jelas tentang sumber pengetahuan ilmu faraid berdasarkan latar belakang pengajian, pekerjaan dan pengalaman. Ini akan dapat menghasilkan set data yang relevan dengan objektif kajian. Menurut bancian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, penduduk di mukim pulau-pulau Kuala Terengganu (Pulau Duyong dan pulau-pulau sekitarnya) adalah seramai 3,945 orang dan 2,405 adalah berusia 20 tahun ke atas (Uma Sekaran & Roger Bougie, 2010).

Sampel Dan Kaedah Pensampelan

Pemilihan sampel adalah secara pensampelan rawak mudah ke atas penduduk Islam yang tinggal di Pulau Duyong Kecil, Pulau Duyong Besar dan Pulau Ketam, Kuala Terengganu –

selepas ini disebut Pulau Duyong sahaja. Mereka adalah masyarakat awam yang diwakili sama ada daripada golongan profesional atau bukan profesional yang bekerja di sektor-sektor awam, swasta atau bekerja sendiri juga yang tidak bekerja (suri rumah, penganggur dan pelajar). Borang soal selidik diedarkan kepada 450 sampel yang mewakili masyarakat awam di Pulau Duyong, daripada jumlah itu 350 borang berjaya dikumpulkan semula oleh penulis. Setelah pemurnian data dilakukan hanya 345 soal selidik memenuhi kriteria-kriteria sampel untuk dikaji dan dijadikan data untuk dianalisis di dalam kajian ini. Jumlah sampel ini dikira telah menepati sasaran berdasarkan jadual penetapan saiz sampel Uma Sekaran (2010)³⁹ iaitu sebanyak 331 sampel. Saiz ini mencukupi untuk mengira keseluruhan populasi kajian iaitu seramai 2,405 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berasaskan kepada beberapa instrumen standard yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini untuk menguji pengetahuan atau persepsi masyarakat dan telah diuji keesahannya. Penulis telah mengubahsuai instrumen tersebut agar menepati keperluan kajian berkaitan dengan sumber pengetahuan ilmu faraid bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Walaupun begitu, pengubahsuaian instrumen soal selidik ini juga melalui beberapa prosedur untuk mengekalkan kesahannya. Prosedur-prosedur seperti kesahan kandungan, kajian rintis dan nilai kebolehpercayaan instrumen telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Hasil analisis nilai kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan mempunyai aras kebolehpercayaan yang tinggi (>0.7) (Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, 2001) iaitu alpha cronbach 0.852.

Penganalisan Data

Data-data yang diperoleh daripada borang soal selidik dikumpulkan seterusnya dianalisis melalui analisis berkomputer menggunakan Statistical Package for Social Science. Kaedah penganalisan data secara deskriptif digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Untuk itu, penulis menggunakan analisis peratusan, min, sisihan piawai dan skor min yang diperoleh untuk menerangkan secara deskriptif taburan skor setiap dimensi yang dikaji. Taburan skor yang diperoleh akan dibuat jadual untuk memudahkan perbincangan. Untuk menjelaskan lagi huraian analisis taburan data kajian ini, jadual interpretasi skor min yang digunakan oleh Nazri Muslim e.t. al. (2011) dijadikan panduan untuk memberi gambaran tentang aras sumbangan sumber maklumat untuk memperoleh ilmu faraid oleh responden.

DAPATAN DAN RUMUSAN SUMBER PENGETAHUAN ILMU FARAID

Sumber utama (mencerap pengetahuan) bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu untuk memperoleh pengetahuan tentang ilmu faraid adalah secara tradisional iaitu melalui pengajaran agama di surau atau masjid. Kaedah ini merupakan kaedah pengajian agama yang diwariskan secara turun temurun sejak Islam mula bertapak di Tanah Melayu. Ini diperoleh melalui hasil kajian di mana lebih separuh daripada responden (63.2%) bersetuju

bahawa surau dan masjid menjadi sumber utama untuk mendapatkan maklumat tentang faraid. Dapatan kajian ini sama seperti yang diperoleh oleh Kajian Pengaruh dan Kesan Pemikiran Gagasan Anti Hadis terhadap Umat Islam: Kajian Khusus di Lembah Klang (Mohd Al'ikhsan Ghazali, 2010) yang mendapati pengajian keagamaan di masjid dan surau telah memberi manfaat yang paling tinggi kepada umat Islam berbanding dengan program-program keagamaan di radio dan tv.

Bagi sumber-sumber yang lain seperti sekolah, seminar dan forum, perbincangan dengan ulama, pembacaan, audio-visual dan internet, hasil kajian merumuskan semuanya memberi sumbangan sederhana kepada masyarakat dalam memperoleh pengetahuan mengenai ilmu faraid. Walaupun begitu maklum balas dari responden turut menunjukkan bahawa kaedah berbincang dengan ahli agama untuk mendapat maklumat mengenai ilmu faraid adalah kedua tertinggi selepas kaedah pengajian di surau dan masjid iaitu sebanyak 56.8%. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana kaedah memperoleh ilmu pengetahuan melalui perbincangan dengan ahli agama adalah satu metode penting yang diguna oleh umat Islam (Dra. H. Zuhiri, 1977) sejak zaman berzaman. Dalam hal ini, Allah S.W.T telah berfirman:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ^{٣٨}

Maksudnya: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang (dengan sempurna); dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.

Tauladan ini telah ditunjukkan oleh Baginda s.a.w. apabila Baginda menjadi tempat rujukan, bersoal-jawab dan mengeluarkan fatwa kepada umat Islam pada masa tersebut (Surah al-Syura 42: 38). Ia diteruskan lagi oleh generasi umat Islam selepas Baginda sehinggalah ke hari ini. Bagi masyarakat Islam di Malaysia, kaedah ini telah digunakan sejak zaman dahulu dengan bertanya dan berbincang dengan guru atau tok guru mengenai masalah agama yang dihadapi. Ia adalah antara kaedah pengajian yang diguna pakai dalam sistem pondok yang wujud di Nusantara pada kurun ke tujuh belas Masihi (al-Qattan, 1987). Ia secara tidak langsung menjelaskan bahawa masyarakat Islam masih kuat bergantung kepada institusi pendidikan Islam tradisional (tidak formal) untuk mendapat maklumat mengenai hukum agama sehingga ke hari ini.

Hasil kajian juga mendapati, walaupun terdapat banyak sumber tentang ilmu faraid dan hak-hak harta peninggalan di internet sama ada di dalam laman web, blog persendirian, kertas-kertas kerja dan buku-buku elektronik yang boleh dicapai dengan pantas dan mudah tetapi kaedah ini kurang mendapat perhatian masyarakat bagi mendapat maklumat berhubung dengan ilmu faraid. Peratus dapatan kajian ini adalah sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1.1 seperti berikut:

Jadual 1.1: Jadual Maklum balas Responden Terhadap Soalan Berkaitan Sumber Pengetahuan Ilmu Faraid

	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju - Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Mendapat maklumat faraid di sekolah	(7.2%)	(16.5%)	(18%)	(47.5%)	(10.7%)
Mendapat maklumat faraid di seminar	(8.7%)	(17.1%)	(28.4%)	(41.4%)	(4.3%)
Mendapat maklumat faraid di surau/masjid	(1.2%)	(9.9%)	(25.8%)	(46.7%)	(16.5%)
Mendapat maklumat melalui perbincangan dgn ulama	(4.1%)	(15.9%)	(23.2%)	(38%)	(18.8%)
Mendapat maklumat melalui pembacaan	(4.6%)	(15.9%)	(26.4%)	(42.6%)	(10.4%)
Mendapat maklumat melalui audio-visual	(4.3%)	(18.6%)	(29.3%)	(33.3%)	(14.5%)
Mendapat maklumat melalui internet	(20%)	(22.3%)	(22.6%)	(26.1%)	(9%)

Perbandingan min dan skor min yang dibuat ke atas tujuh sumber atau kaedah memperoleh ilmu faraid di atas mendapati bahawa bagi kaedah memperoleh ilmu faraid di surau dan masjid telah memperoleh min yang paling tinggi (min = 3.68 dan s.p = 0.905). Skor min yang diperoleh menunjukkan kaedah pengajaran atau ceramah di surau atau masjid telah memberi sumbangan yang tinggi sebagai sumber utama bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu untuk memperoleh pengetahuan tentang ilmu faraid.

Manakala kaedah melayari dan membuat carian di internet untuk memperoleh pengetahuan tentang ilmu faraid telah memperoleh min yang terendah (min = 2.82 dan s.p = 1.271). Skor min yang diperoleh menunjukkan kaedah ini berada pada aras sederhana sebagai sumber pengetahuan ilmu faraid. Ia menunjukkan bahawa penggunaan internet bukan satu pilihan bagi masyarakat di Pulau Duyong, Terengganu untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan ilmu faraid. Jumlah min, sisihan piawai dan aras sumbangan sumber-sumber sebagai kaedah memperoleh pengetahuan ilmu faraid adalah sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1.2 di bawah :

Jadual 1.2: Jadual Aras Sumbangan Sumber Untuk Mendapat Pengetahuan Ilmu Faraid Mengikut Skor Min

	Sampel	Min	Sisihan Piawai	Aras Sumbangan
Mendapat maklumat faraid di sekolah	345	3.38	1.104	Sederhana
Mendapat maklumat faraid di seminar	345	3.16	1.042	Sederhana
Mendapat maklumat faraid di surau/masjid	345	3.68	0.905	Tinggi
Mendapat maklumat melalui perbincangan dgn ulama	345	3.52	1.092	Sederhana
Mendapat maklumat melalui pembacaan	345	3.38	1.022	Sederhana
Mendapat maklumat melalui audio-visual	345	3.35	1.074	Sederhana
Mendapat maklumat melalui internet	345	2.82	1.271	Sederhana

Masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu tanpa mengira lelaki atau wanita, memberi maklum balas yang sama terhadap sumber-sumber memperoleh maklumat tentang faraid. Ini berdasarkan penemuan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan yang ketara di antara lelaki dan wanita berhubung dengan sumber-sumber untuk memperoleh ilmu faraid. Ia dibuktikan melalui analisis ujian-t yang di jalan ke atas data bagi sumber memperoleh faraid seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.3 di bawah :

Jadual 1.3: Ujian-t (t-test) perbezaan memperoleh sumber pengetahuan faraid berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Lelaki	159	3.3136	0.63512	-0.326	0.745*
Perempuan	186	3.3356	0.62086		

* Signifikan pada aras $p < 0.05$

KESIMPULAN

Kajian di atas merumuskan terdapat berbagai bentuk sumber dan kaedah bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu untuk memperoleh pengetahuan tentang ilmu faraid. Sumber tersebut sama ada dari institusi pendidikan Islam secara formal atau institusi pendidikan Islam secara tidak formal turut menjadi medium bagi masyarakat mempelajari dan mendalami ilmu agama Islam. Dapatan yang diperoleh menunjukkan kebanyakan sumber atau kaedah yang ada hanya memberi sumbangan sederhana sebagai sumber untuk masyarakat Islam memperoleh ilmu faraid. Hanya kaedah pengajian di surau dan masjid sahaja menjadi sumber utama kepada masyarakat untuk mendapat pengetahuan tentang ilmu faraid.

Faktor umum yang mempengaruhi keputusan ini adalah kerana, sumber-sumber yang dikaji didapati kurang memberi perhatian kepada pengajaran ilmu faraid. Institusi pendidikan Islam secara formal seperti sekolah agama aliran kebangsaan umpamanya, didapati kurikulum khusus mengenai ilmu faraid hanya diajar kepada pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sahaja. Manakala bagi media massa seperti radio dan TV juga didapati kurang mendedahkan pengetahuan tentang ilmu faraid kepada masyarakat di dalam program keagamaan seperti ceramah, kuliah dan bual bicara yang disiarkan.

Bagi sumber media baru iaitu teknologi maklumat pula, ia turut tidak menyumbang dengan ketara terhadap pengetahuan ilmu faraid kepada masyarakat Islam kerana masalah literasi teknologi maklumat bagi masyarakat Islam di Pulau Duyong terutama golongan dewasa. Di samping itu, kadar penembusan internet yang rendah kepada orang awam turut mempengaruhi kedudukannya sebagai sumber untuk mendapat maklumat tentang ilmu faraid. Selain itu, melalui temu bual penulis semasa mengedarkan borang soal selidik mendapati persepsi masyarakat terhadap integriti maklumat yang disebarkan melalui internet turut mempengaruhi responden memilih kaedah ini sebagai sumber mempelajari agama Islam dan ilmu faraid. Isu ini turut diakui oleh penyelidik lain yang melihat cabaran media baru ini sebagai medium untuk mempelajari agama Islam.

Justeru itu, masyarakat Islam di Pulau Duyong, Terengganu didapati masih selesa menggunakan institusi pendidikan Islam tradisional sebagai sumber untuk mendapat pengetahuan mengenai ilmu faraid iaitu melalui pengajian agama di surau atau masjid, kaedah perbincangan dengan guru dan melalui soal jawab agama. Ia menunjukkan, kaedah ini masih kekal relevan kepada umat Islam untuk mendalami ilmu agama. Walaupun masyarakat mampu memperoleh pengetahuan melalui sumber dan kaedah moden seperti alat pandang dengar, internet dan lain-lain, namun mereka tetap memilih kaedah ini bagi mempelajari ilmu faraid. Antara faktor lain yang boleh dikaitkan dengan hasil kajian ini ialah kerana tradisi pengajian di musalla, surau dan masjid sudah berakar umbi dalam masyarakat Melayu. Selain itu, faktor keberkatan bertalaqqi yang ditekankan oleh tok guru, keselesaan mengikuti pengajian untuk semua peringkat usia mengikut kesesuaian masa tanpa perlu mengikuti kelas pengajian yang sistematik dan bersyarat menjadi sebab utama masyarakat Islam memilih kaedah ini untuk mendalami ilmu agama Islam termasuk ilmu faraid.

RUJUKAN

- al-Quran.
- cAbd al-Baqi, Muhammad Fucad. (t.th.). *al-Mucjam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Mu'assasah Jamal.
- Abdul Ghani Haji Mahmood. (1981). *Sejarah Islam, Kota Bharu*, Kelantan: Pustaka Mahligai,
- A.Samad Ahmad (ed.). (1996). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu cAbd. Allah, Muhammad Ibn. Idris as-Shafici. (2001). *Kitab al-Umm*, Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Abu cIsa, Muhammad Ibn. cIsa. (t.th). *al-Jamic al-Sahih Wa Huwa Sunan al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-kutub al-cilmiyyah.
- Abu cUmar, Yusof Ibn. cAbdil Bar. (1994). *Jamic Bayan al-cIlm wa Fadlihi*, Arab Saudi: Dar Ibn. Jawdhi.
- Abu Hamid, Muhammad Ibn. Muhammad al-Ghazali. (1992). *Ihya' cUlum al-Din*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad Johari b. Hj Sihes et.al. (2006). *Pengaruh Pengetahuan Agama ke atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam*, Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2008). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Baba. (1999). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, Ed. ke-3. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Bukhari, Muhammad Ibn. Ismacil. (1407H/1987). *Sahih al-Bukhari*. Dalam. Ibn. Hajar, Ahmad Ibn. Hajar, Fath al-Bari bi sharhi Sahih al-Bukhari, Kaherah: Dar al-Rayyan.
- Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar et.al. (2014). *Institusi Pendidikan Islam di Terengganu Kelahiran dan Kesenambungan*. Kuala Terengganu: Penerbit Unisza.
- Chua Yan Piaw. (2011) *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Tokoh Ulama Negeri Terengganu: Biografi, Pemikiran & Sumbangan*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Fadzli Adam et.al. (2015). *Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam*, Dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Kuala Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.
- Hajah Noresah Baharom et. al. (2010). *Kamus Dewan edisi Keempat*, Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- H.Kafrawi MA (Drs.). (1979). *Pola Bimbingan Masyarakat Islam*, Jakarta: C.V Multi Yasa & Co.
- H. Zuhairini (Drs.) et.al. (1981). *Methodik Khusus Pendidikan Islam*, Malang: Fakultas Tarbiyah IAIN Sunan Ampel.
- Ibn. Kathir, Ismacil Ibn. Kathir. (1408H/1988). *Tafsir al-Qur'an al-cAzim*. Ed. baru. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.

- Ibn. Majah, al-Hafiz Abu cAbd. Allah Muhammad Ibn. Yazid al-Qazwini. (t.th). Sunan Ibn. Majah. Beirut: Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- Ismail Ab. Rahman et.al. (1993). Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran & Harapan, Cet. Pertama, Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Ismail Hj. Ibrahim & Mohd. Sahri Abdul Rahman. (1994). Ilmu dan Kecemerlangan dari Perpektif Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Jakim. (2001). Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an. edisi ke-12. Kuala Lumpur: Dar Fikir.
- Mannac al-Quttan. (1987). al-Tashric Wa al-Fiqh fi al-Islam : Tarikhan Wa Manhajan, Bierut: Mu'assasah ar-Risalah.
- Mohamad Abu Bakar. (2008). 17 – 19 Jun. Ulama, Ustaz dan Ulul Albab Pendidikan Islam dan Pembentukan Masyarakat Terengganu, Kertas kerja yang disampaikan dalam Persidangan Antarabangsa Tiga Abad Kesultanan Terengganu 1708-2008. Kuala Terengganu: Universiti Darul Iman Malaysia & Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohd Ghazali Haji Hanafiah (ed.) et. al. (1975). Sejarah Perkembangan Sekolah-sekolah Negeri Terengganu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan. Edisi baru. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011) Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia, Dalam At-Ta'dib Jurnal Pendidikan Islam, Vol.6 No.1, Jun 2011, hlm. 70-71. Palembang: Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Raden Fatah.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir. (2001). Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0, Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mok Soon Sang. (1995). Asas Pendidikan 1: Pendidikan Sebagai Proses, edisi ke 4, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Muhamad Abu Bakar (ed.). (1991). Ulama Terengganu Suatu Sorotan, Kuala Terengganu: Utusan Publications.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan, Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sobri Salamon & Harun Din. (1988). Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Cet. Kedua, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Uma Sekaran & Roger Bougie. (2010). Research Methods for Business, West Sussex UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Wan Hussein@Azmi Abd. Kadir. (1993). Pendidikan Pondok Dan Penyediaan Tenaga Ulama. Dalam Ismail Ab. Rahman et.al. (eds.), Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran & Harapan, Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.
- Az-Zarkashi, Badruddin Muhammad Ibn. Bahawir. (t.th.). al-Bahr al-Muhit, Arab Saudi: Wizarat al-Auqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Mohd Al'ikhsan bin Ghazali. (2010). Pengaruh Pemikiran Golongan Anti Hadith Terhadap Masyarakat Islam. Tesis Doktorat yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Muslim et. al, Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam

Perlembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia, dalam Jurnal Kemanusiaan UTM bil.18-Diis 2011 (atas talian) diakses dari laman, http://www.fppsm.utm.my/download/cat_view/13-jurnal-kemanusiaan/131-bil-18-diis-2011.html, (7 Sept 2012)

Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim, 2010, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1353&Itemid=149&lang=bm (5 Januari 2012).

Keutamaan Pelajari, Perkasa Ilmu Faraid, (2012), 10 Februari, Berita Harian, hlm.5N.